

11/06/1998

Selangor rombak portfolio Exco

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor merombak portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negerinya (Exco) berkuatkuasa hari ini, bagi mengurangkan beban tugas ahli majlis dari segi perspektif kerajaan negeri dan aktiviti di peringkat negeri.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata rombakan itu diumumkan hari ini dalam mesyuarat Exco dan mendapat persetujuan semua ahli majlis.

Beliau berkata, pertukaran portfolio ahli majlis itu dilakukan genap setahun mereka memegang jawatan masing-masing yang diumumkan selepas beliau mengangkat sumpah Menteri Besar pada 6 Jun tahun lalu.

Menurutnya, rombakan itu bagi membolehkan ahli majlis mendapat pengalaman dalam portfolio lain serta mengetahui tugas sesama sendiri.

Beliau sudah memaklumkan mengenai penyusunan semula Exco itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mendapat persetujuannya.

Bagaimanapun, rombakan itu tidak membabitkan portfolio Abu Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Kewangan dan Belanjawan, Perancangan, Penswastaaan, Tanah dan Perumahan.

Menurutnya, Datuk Zainal Dahalan memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Belia dan Sukan; Datuk Tang See Hang (Kemajuan Perkampungan, Penyelidikan dan Pembangunan); Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad (Pembangunan Usahawan, Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan) dan Datin Paduka Rakibah Abdul Manap (Setinggalan dan Hal Ehwal Wanita).

Ch'ng Toh Eng memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; Datuk Abdul Fatah Iskandar (Pertanian, Perikanan dan Penerangan); Sivalingam A/L Karupiah (Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Pekerja-Pekerja Ladang dan Lombong).

Datuk Mohd Sharif Jajang memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perindustrian dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perbandaran; Dr Pius Martin (Kesihatan, Kebudayaan dan Pelancongan) dan Datuk Fuad Datuk Hassan (Infrastruktur dan Teknologi Maklumat).

Abu Hassan berkata, semua exco yang terbabit dengan rombakan itu diminta menyerahkan tugas masing-masing dalam tempoh dua minggu.

(END)